

06/03/1998

Ketidakstabilan urus niaga kewangan dunia belum berakhir

Azizi Othman

GELOMBANG kegawatan ekonomi yang melanda Asia Timur kini mungkin sudah sedikit reda tetapi ketidakstabilan pasaran kewangan dunia yang mencetuskan krisis itu masih belum berakhir, malah mungkin mencari mangsa seterusnya.

Persoalan yang timbul kini ialah sama ada wujud sesuatu yang boleh dilakukan bagi menanganinya atau apakah orde globalisasi menjadikan aliran mengejut dana secara besar-besaran kini mustahil dikawal selia oleh mana-mana negara sekali pun.

Kita semua maklum, era pasca kegawatan di Asia Timur sedikit sebanyak memberi kesan positif dari segi kesanggupan pemimpin negara terbabit mencari jalan menyelesaikan kemelut itu walaupun mereka sendiri masih kurang jelas mengenai apa yang sepatutnya dilakukan.

Minggu lalu, Pengerusi Rizab Persekutuan Amerika Syarikat, Alan Greenspan, akur dengan hakikat bahawa sesuatu perlu dilakukan terhadap cara kerja pasaran kewangan dunia untuk menyesuaikan dengan persekitaran baru.

Pendapat yang sama diutarakan Setiausaha Perbendaharaan Amerika, Robert Rubin, minggu ini menyebut satu usaha intensif perlu dibuat untuk merombak seni bina sistem kewangan dunia, menjadikan kewujudan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia lebih bermakna.

Masalahnya, apa yang perlu dilakukan?. Kegawatan yang melanda Asia Timur dicetuskan oleh pengaliran keluar dana jangka pendek secara besar-besaran daripada negara yang dikatakan menghadapi kesulitan ekonomi.

Kesannya, nilai mata wang Asia Timur seperti baht dan won menjunam lebih separuh. Rupiah lebih tenat apabila merudum hampir tiga perempat nilainya dan tidak terkecuali, ringgit.

Sebenarnya, perkembangan yang berlaku adalah contoh klasik reaksi pasaran yang keterlaluan. Mungkin kali ini impaknya tidak begitu ketara kerana masih ada IMF sebagai jentera penyelamat tetapi bagaimana jika ia berlaku lagi kepada negara lain dalam tempoh terdekat?.

George Soros, pembiaya kewangan yang tidak asing lagi kepada masyarakat Malaysia sendiri pernah berkata: "Kini wujud satu perkembangan membimbangkan yang mungkin menjurus kepada keruntuhan pasaran dan sistem kewangan sejagat".

Sebagai seorang yang tahu secara mendalam senario pasaran modal sejagat, saranannya supaya institusi seperti IMF dan Bank Dunia melaksanakan mekanisme jaminan bagi pinjaman yang dikeluarkan, perlu diambil kira.

Walaupun mungkin bertentangan ideologi, saranan Soros itu sejajar dengan gesaan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, supaya satu mekanisme kawal selia aliran dana sejagat, diperkenalkan.

Pengerusi sidang Negara Kumpulan Tujuh (G-7), Gordon Brown, berkata ketelusan dalam tata cara aliran modal sejagat saja belum cukup untuk menjamin kegawatan ekonomi tidak berulang pada masa depan.

Ditinjau dari perspektif menyeluruh, kenyataan Brown itu memang tepat terutama menyedari hakikat usaha mendisiplinkan prosedur aliran dana sejagat sedia ada saja tidak akan memberi sebarang kesan dalam era penyatuan ekonomi makro yang berlaku di dunia hari ini.

Sehubungan itu, negara G-7 kini nampaknya bersikap lebih terbuka terhadap cadangan Dr Mahathir supaya kemungkinan mengenakan sejumlah cukai marginal terhadap semua urus niaga mata wang dikaji.

Memang sukar untuk melaksanakannya terutama dalam konteks ada sesetengah

lokasi pasaran modal dunia yang diberi status bebas cukai `tax-haven' - tetapi tiada salahnya usaha ke arah itu dimulakan.

Semua pihak kini perlu akur usaha mengelak satu lagi arus kegawatan ekonomi memerlukan komitmen semua dan ia perlu dilaksanakan secepat mungkin.

Ini kerana, jika arus kegawatan berulang lagi dalam tempoh terdekat, dunia berdepan dengan risiko keruntuhan sistemik yang parah dan ketika itu, kita semua mungkin sudah terlambat.

(END)